



Mengukuhkan Solidariti Hak Tanah Adat Wanita Orang Asal



Kenyataan
AIPP mengenai
Hari Wanita
Antarabangsa
2016

Asia Indigenous Peoples Pact (AIPP)
Chiang Mai, Thailand
Tel: +66 (0)53 380 168
Emel: aippmail@aippnet.org
Laman Web: www.aippnet.org

Sempena Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 2016, Gabungan Pertubuhan-Pertubuhan Orang Asal di Asia (AIPP) berganding tangan dengan wanita dan lelaki di seluruh dunia dengan semangat solidariti dalam mengerakkan kesaksamaan gender dan keadilan sosial untuk semua.

Kami juga mengambil kesempatan ini untuk mengiktiraf sumbangan yang tidak ternilai wanita Orang Asal dan peranan dalam kebajikan masyarakat dan pembangunan dalam semua dimensi. Dalam kebanyakan masyarakat Orang Asal, wanita bertindak sebagai penjaga utama anak-anak, warga tua dan mereka yang sakit.

Wanita adalah pemegang dan pewaris pengetahuan tradisional turun-temurun. Wanita Orang Asal adalah pengeluar makanan utama dan pengurus sumber semulajadi mereka dan wanita lah yang mempunyai pengetahuan untuk mengukuhkan daya tahan masyarakat untuk menangani kesan buruk perubahan iklim.

Kita berada pada tahap yang kritikal dalam sejarah. Manusia dalam persimpangan kerana kita terpaksa membuat keputusan sama ada untuk meneruskan penggunaan berlebihan dan pembangunan melampaui batas atau kita menyedari bahawa sumber-sumber bumi adalah terhad, dan dengan itu mengubah cara kita melayan bumi dengan memenuhi keperluan manusia melalui sistem yang mampan dan saksama. Orang





Asal telah lama mengamalkan sistem pengurusan sumber yang mampan, selama ini melindungi ekosistem kita, dan yang wanita Orang Asal telah memainkan peranan yang penting.

Wilayah Orang Asal adalah antara yang paling kaya dengan biodiversiti, namun hak-hak kolektif mereka ke atas tanah, wilayah dan sumber, bersama-sama dengan sistem pengurusan sumber mereka dan sumber pendapatan yang mampan, samada tidak diiktiraf secara sah atau tidak dilindungi.

Pengeluaran sumber berterusan dan rampasan tanah terus meminggirkan Orang Asal, menjejaskan keupayaan mereka untuk memberikan sumbangan besar dalam memerangi perubahan iklim dan mencapai pembangunan mampan. Masa depan kita terletak pada pengiktirafan hak-hak Orang Asal dan masyarakat tempatan sebagai penjaga planet kita dan matlamat kami adalah untuk mendapatkan semua hak-hak tanah Orang Asal dan masyarakat di mana-mana melalui Global Call to Action.

Matlamat ini, dan sasaran yang sepadan bagi menggandakan kawasan tanah diiktiraf secara sah sebagai dimiliki atau dikawal oleh Orang Asal dan masyarakat tempatan menjelang tahun 2020, tidak dapat direalisasikan tanpa pengiktirafan wanita Orang Asal dan peranan penting wanita dalam masyarakat setempat, dan masyarakat global secara keseluruhannya. Wanita Orang Asal semakin terdedah kepada kehilangan atau degradasi tanah - sumber makanan dan menjamin kesihatan utama mereka dan integriti budaya.

Pengekstrakan sumber bumi yang tidak berhenti-henti dan agenda korporat yang memperdagangkan alam semula jadi mereka untuk keuntungan, mempunyai kesan yang mendalam kepada aspek-aspek fizikal, sosial dan psikologi kehidupan wanita Orang Asal.

Pemberian hak milik tanah secara besar-besaran dan projek konsesi tanah sedang berlaku atas nama pembangunan di Kemboja, manakala kawasan tanah adat yang luas di Indonesia sedang ditukar menjadi ladang getah dan kelapa sawit besar-besaran yang merosakkan. Di Sarawak, Malaysia, wanita Iban digusir secara oleh Penyelidikan Pertanian dan Pembangunan Malaysia (MARDI). Wanita Iban telah kehilangan sumber



makanan penting mereka dan bahan-bahan mentah yang diperlukan untuk mengekalkan kehidupan tradisional mereka. Dengan rampasan tanah, mereka bukan sahaja kehilangan hak-hak ke atas tanah, tetapi juga kehilangan hak mereka untuk meneruskan cara hidup tradisional, budaya dan fizikal mereka.

Di India, dianggarkan 3% dari jumlah penduduknya seramai 1.2 billion diusir akibat pembinaan projek mega, termasuk empangan hidroelektrik dan industri-industri ekstraktif. Adivasi /puak yang adalah golongan yang paling ramai di kalangan penduduk dipindahkan. Bagi wanita Orang Asal ini, pemindahan ini telah membawa kepada kemerosotan status sosial mereka kerana mereka berjuang untuk memenuhi peranan tradisional mereka, serta beban kerja tambahan, kemerosotan status kesihatan dan peningkatan kes keganasan rumah tangga.

Wanita Orang Asal, seperti contoh dari India dan wanita Kui dari Preah Vihear di Kemboja, berubah status dari pemilik tanah dan petani sara diri menjadi hanya buruh bergaji rendah atau pekerja kilang untuk menyara hidup.

Corak ini sama di seluruh Asia, kerana dua pertiga daripada Orang Asal menghadapi kesan sistem pembangunan global yang tidak adil, yang secara terang mengabaikan hak dan kebajikan mereka.

Lebih teruk lagi, terdapat satu trend membimbangkan ke arah keganasan, termasuk pembunuhan, yang berlaku ke atas wanita pembela hak asasi manusia dan aktivis hak tanah dalam beberapa dekad kebelakangan ini.


Pada tahun 2002, seorang ahli masyarakat Bplaan di South Cotabato di Filipina yang sedang hamil telah dibunuh bersama-sama dengan anak-anaknya, kerana beliau membantah projek perlombongan berskala besar, Projek Copper-Gold Tampakan.

Juvy Capion berusia 28 tahun apabila dia telah dibunuh. Malangnya, cerita Juvy Capions bukan sekali sahaja, dan pembela wanita hak asasi manusia yang menderita di tangan projek pembangunan besar-



besaran, ketenteraan dan keganasan berasaskan jantina. Pada tahun 2015, di Asia sahaja, tiga wanita pembela hak asasi manusia yang telah dilaporkan dibunuh sebagai membalas dendam terhadap aktivisme mereka.

1. Memastikan penyertaan penuh dan berkesan, termasuk perwakilan saksama wanita orang asal, dalam badan membuat keputusan dan proses yang menjejaskan hak mereka sebagai orang asal dan wanita.
2. Melaksanakan langkah-langkah bagi pengiktirafan undang-undang dan perlindungan hak-hak kolektif Orang Asal, termasuk wanita Orang Asal, atas tanah wilayah mereka dan sumber asli.
3. Mengenalpasti, melindungi dan meningkatkan sumbangan dan peranan wanita orang asal dalam pengurusan sumber asli, serta memastikan manfaat yang saksama dan kelayakan yang perlu untuk kesejahteraan mereka.
4. Memastikan mekanisme aduan yang berkesan dan boleh diakses oleh wanita orang asal di peringkat tempatan dan kebangsaan, termasuk resolusi daripada semua kes Keganasan terhadap Wanita dan pencabulan hak asasi manusia lain.
5. Memastikan pengiktirafan dan menghormati hak-hak kepada harta wanita orang asal, serta hak yang sama untuk peluang pekerjaan, faedah dan penjagaan kesihatan sensitif budaya.
6. Melaksanakan Konvensyen untuk menghapuskan Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) sepenuhnya dan mengambil semua langkah yang ada untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial wanita orang asal.
7. Membangunkan pelan tindakan yang jitu untuk melaksanakan matlamat Agenda 2030 Pembangunan Mampan, terutamanya Matlamat 5 kepada memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan.



Disokong dan diterbitkan oleh

JARINGAN ORANG ASAL SEMALAYSIA

(Indigenous Peoples Network of Malaysia)

Email: joasmalaysia@gmail.com

Sekretariat: 088-726413

Kontak Media: 012-6061592 (Sze Ning)

Foto oleh Colin Nicholas & Puah Sze Ning